

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM
[BALING]**

TARIKH : 12 MAC 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 24

Dato' Sri Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan rancangan Kerajaan Persekutuan untuk menangani saman AES (Automatic Enforcement System) yang dikeluarkan tetapi belum lagi dibayar dan apakah status hasil kajian berkenaan penetapan kadar baru saman AES.

JAWAPAN

Yang Di-pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, selaras dengan keputusan Kerajaan untuk mengambil alih operasi sistem AwAS, beberapa langkah telah diambil untuk meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan termasuk manangani isu saman yang tertunggak.
2. Perkara pertama yang telah dilaksanakan adalah menetapkan dasar bahawa tiada sebarang pengurangan kadar kompoun akan diberikan ke atas sebarang notis saman yang dikeluarkan kepada Orang Yang Kena Saman (OKS). Seterusnya, di dalam setiap notis saman yang dikeluarkan, tarikh kehadiran ke Mahkamah akan terus ditetapkan. Namun begitu, dalam setiap notis saman yang dikeluarkan, OKS juga akan diberikan tawaran kompoun sebanyak RM300 sekiranya OKS memilih untuk mengaku bersalah dan memilih untuk menerima tawaran kompoun tersebut. OKS akan diberi tempoh selama enam puluh (60) hari untuk berbuat demikian. Sekiranya OKS tidak mengaku bersalah dan memilih untuk dibicarakan, OKS bolehlah hadir ke Mahkamah pada tarikh yang telah dinyatakan di dalam Notis Saman tersebut dan membentangkan kesnya di Mahkamah.
3. Jika OKS tidak menerima tawaran kompoun seterusnya gagal hadir ke Mahkamah seperti yang dikehendaki, tindakan senarai hitam akan diambil dan OKS akan dihalang daripada melakukan apa jua transaksi serta urusniaga dengan JPJ sehingga kes diselesaikan.
4. Untuk makluman Yang Berhormat juga, setakat bulan Februari 2019, 55,202 kes Notis Saman telah dirujuk ke Mahkamah dan sebanyak 55,133 kes telah disenarai hitam kerana kegagalan OKS untuk hadir di mahkamah bagi menjawab pertuduhan ke atasnya berhubung Notis Saman AwAS.

5. Di samping itu, Kerajaan pada masa ini belum mempunyai cadangan untuk mengkaji semula kadar tawaran kompoun yang telah ditetapkan bagi kesalahan direkodkan menerusi sistem AwAS iaitu RM300. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada keperluan di masa hadapan, Kerajaan adalah sentiasa terbuka untuk mengkaji untuk melaras kadar kompoun ini sekiranya perlu bagi mendidik pengguna jalan raya untuk mematuhi semua peraturan ke arah meningkatkan dan mengawal tahap keselamatan di jalan raya.

Sekian, terima kasih.